


FOTO: NUR ADIBAH AHMAD IZAM

# DUA AKSI LAGI



PEMAIN negara Muhammad Siddiq Amir Jalil (dua kiri) bersaing dengan pemain Kemboja pada aksi ragbi 7 sebelah lelaki, semalam.

## Skuad ragbi perlu menang baki perlawanan untuk meraih emas

Ferzalfie Fauzi & Farah Azharie
sukan@hmetro.com.my/
nstsport@nst.com.my

**Petaling Jaya**



Tiga kemenangan berturut-turut dicatatkan skuad ragbi tujuh sebelah lelaki negara semalam menambahkan keyakinan untuk mereka meraih emas, seterusnya memperbaiki pencapaian di Singapura dua tahun lalu.

Ketua pasukan, Zulkiflee Azmi (*gambar*) berkata dia bertambah yakin untuk meraih emas di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terutama selepas menundukkan penyandang juara, Filipina 24-14.

"Kami perlu fokus untuk aksi terakhir menentang Thailand dan Indonesia untuk mencapai sasaran memenangi emas. Bagi saya sendiri, saya yakin kami akan meraih emas. Beraksi di tempat sendiri satu kelebihan buat kami dengan penyokong banyak membantu untuk menaikkan moral dan keyakinan," katanya.

Zulkiflee yang berasal dari Pasir Mas, Kelantan mahu rakan sepasukan terus kekalkan momentum dan memperbaiki segala kesalahan menjelang baki perlawanan pusingan awal sebelum mara ke aksi final.

"Kami bertekad sejak awal lagi untuk mencatat semua kemenangan hari ini (semalam), jadi kami berjaya bermain bermati-matian menentang Kemboja (menang 51-0). Aksi bertemu Singapura pula memang sengit kerana kami ketinggalan sebelum bangkit mengalahkan mereka (12-10). Paling penting kami berjaya menebus kekalahan aksi final ke atas Filipina dua tahun lalu," katanya.

Sementara itu, ketua pasukan skuad wanita, Normasyirah Zahari mengakui mereka masih belum berputus asa walaupun hanya mencatat satu kemenangan ke atas Laos 36-0 dan tumpas di tangan Siangapura 0-15 serta Thailand 5-38.

"Kami sudah memberi amaran kepada Filipina esok, kami akan menumpaskan mereka selepas berjaya melakukan try ketika menentang Thailand tadi (semalam). Memang mereka adalah pemenang pingat gangsa untuk edisi terdahulu tapi peluang kedua-dua pasukan 50-50 menjalng aksi esok.

"Seboleh-bolehnya kami mahu mencapai sasaran untuk mara ke separuh akhir dan memenangi pingat. Jika mara ke separuh akhir ia adalah satu bonus. Tidak ada apa yang perlu diperbaiki untuk aksi esok kecuali memperkuatkan mental serta fokus," katanya.

## Pemain ragbi wanita belum putus asa

**Kuala Lumpur:** Ketua pasukan skuad ragbi wanita, Normasyirah Zahari (*gambar*) mengakui mereka masih belum berputus asa walaupun hanya mencatat satu kemenangan ke atas Laos 36-0 dan tumpas kepada Singapura 0-15 serta Thailand 5-38.

"Kami sudah memberi amaran kepada Filipina esok (hari ini) bahawa kami akan menumpaskan mereka selepas berjaya melakukan try ketika menentang Thailand tadi (semalam).

"Memang mereka pemenang gangsa untuk edisi terdahulu tapi peluang kami untuk menang esok 50-50.

"Seboleh-bolehnya kami mahu mencapai sasaran untuk mara ke separuh akhir dan memenangi pingat. Jika mara ke separuh akhir ia satu bonus. Tidak ada apa yang perlu diperbaiki untuk aksi esok kecuali memperkuatkan mental serta fokus," katanya.



PENAJA PLATINUM

KUALA LUMPUR 2017 SUKAN SEA KE-29 SUKAN PARA ASEAN KE-9 · TM · NEGARAKU

### KEDUDUKAN PINGAT

| | Emas | Perak | Gangsa | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| MALAYSIA | 7 | 4 | 5 | 16 |
| SINGAPURA | 3 | 3 | 3 | 9 |
| THAILAND | 3 | 3 | 1 | 7 |
| INDONESIA | 2 | 2 | 4 | 8 |
| MYANMAR | 2 | 1 | 0 | 3 |
| FILIPINA | 1 | 1 | 2 | 4 |
| VIETNAM | 0 | 3 | 1 | 4 |
| LAOS | 0 | 1 | 1 | 2 |
| BRUNEI | 0 | 0 | 3 | 3 |
| KEMBOJA | 0 | 0 | 2 | 2 |
| TIMOR LESTE | 0 | 0 | 0 | 0 |

*Kedudukan pingat setakat jam 10.30 malam tadi*